

# Aktiviti domestik sokong pemulihan negara - Gabenor BNM

Oleh SHAFIQAH SHUKOR  
shafiqah.shukor@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Ekonomi Malaysia berada pada landasan pemulihan yang kukuh disokong oleh aktiviti domestik dan permintaan luar yang positif, menurut Bank Negara Malaysia (BNM).

Gabenor BNM, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd. Yunus berkata, ekonomi dijangka berkembang dengan stabil pada 2022 dan 2023 walaupun terdapat cabaran daripada peningkatan tekanan kos, konflik ketenteraan Russia-Ukraine dan langkah-langkah pembendungan ketat China terhadap Covid-19.

“Malaysia mendapat manfaat daripada permintaan kukuh untuk eksport negara terutamanya barangan elektrik dan elektronik serta produk berasaskan komoditi dan produk eksport yang pelbagai dan pasaran akan terus menyokong pertumbuhan eksport negara.

“Kami melihat peningkatan yang kukuh dalam permintaan domestik terutamanya dalam perbelanjaan pengguna di mana jualan runcit, transaksi kad debit dan import barangan pengguna telah melebihi tahap pra-pandemik,” katanya berucap pada majlis Persidangan Antarabangsa Jenayah dan



**EKONOMI negara kembali rancak selepas kerajaan membenarkan pembukaan semua sektor dan sempadan, selain menyediakan pelbagai insentif kepada rakyat dan perniagaan yang terjejas. - GAMBAR HIASAN**

Pembiayaan Keganasan Ke-12 (IFCTF 2022) di sini, semalam.

Jelas beliau, pasaran pekerjaan yang semakin kukuh te-

lah memberi manfaat kepada ekonomi negara dan 26,000 pekerjaan baharu telah diwujudkan dalam tempoh tiga bu-

lan pertama tahun ini, sama seperti tahap pra-pandemik.

Pada masa yang sama, ujarnya, kekosongan pekerjaan dan

gaji juga meningkat, yang akan mengukuhkan lagi permintaan dalam negara di masa depan.

Mengulas kenaikan harga, Nor Shamsiah menegaskan, keadaan semasa adalah fenomena global dan Malaysia terjejas akibat kesan tidak langsung daripada harga komoditi global yang tinggi kerana ia merupakan pemacu utama kenaikan kos input pengeluaran.

“Perkembangan inflasi di Malaysia tahun ini mencerminkan kesan daripada beberapa kenaikan kos dan permintaan dalam negeri yang semakin kukuh.

“Akibatnya, walaupun inflasi utama diunjurkan kekal rendah, stabil dan berjudat antara 2.2 peratus dan 3.2 peratus tahun ini, inflasi teras meningkat kepada purata 2.2 peratus dalam enam bulan pertama tahun ini berbanding hanya 0.7 peratus pada 2021.

“Apa yang penting ialah dengan bertindak secara awal, kami akan berada dalam kedudukan untuk melakukan pelarasan kepada penetapan dasar monetari Malaysia secara beransur-ansur dan itu juga untuk memulihkan dan menyokong pertumbuhan yang mampan dalam jangka sederhana dan panjang. Masa, kadar dan tahap kenaikan kadar faedah akan dilakukan berdasarkan penilaian,” katanya.

# Ringgit terus melemah, hampiri paras terendah

**PETALING JAYA:** Ringgit didagangkan menghampiri paras terendah dalam lima tahun semalam, dengan pelabur berhati-hati tentang pertumbuhan global yang perlahan dan prospek kenaikan kadar Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS) hujung minggu ini.

Kadar pertukaran dolar AS ke ringgit dibuka pada 4.4560 semalam, selepas meningkat kepada 4.4585 pada 19 Julai, tertinggi sejak Mac 2017.

Pada sesi tengah hari, ringgit terus melemah pada 4.4570 sebelum ditutup pada 4.4560.

Kebanyakan mata wang Asia lain juga didagangkan dalam julat sempit di tengah-tengah kekurangan pemangkin sebelum keputusan Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan hari ini.

Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, kenaikan kadar faedah oleh Fed dijangka berlaku seiring dengan kenaikan kadar yang diputuskan oleh Bank Pusat Eropah sebanyak 0.5 peratus minggu lalu.

“Tekanan pasaran modal sangat terasa hinggakan Singapura

turut menaikkan kadar faedahnya danan mengetatkan aliran tunainya melalui polisi monetari.

“Ringgit dijangka melepasi tahap sokongan RM4.50 sekiranya Fed AS mengumumkan kenaikan faedahnya antara 0.75 ke 1.0 peratus,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Aimi Zulhazmi menjelaskan, aliran modal global akan terarah kepada peningkatan kadar faedah minggu ini, termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) yang sedang memantau dengan teliti perkembangan semasa.

“Pada September ini, BNM

mungkin akan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 0.25 peratus lagi untuk mengimbangkan pasaran modal negara selari dengan pasaran AS dan reaksi pasaran-pasaran negara membangun lain.

“Penurunan harga komoditi utama seperti minyak mentah serta kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama minyak kelapa sawit juga tidak akan mempengaruhi unjuran mata wang ringgit,” ujarnya.

Dalam pada itu, CGS-CIMB Research berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia mungkin perla-

han kepada 4.1 peratus pada 2023, daripada anggaran 5.2 peratus tahun ini, di tengah-tengah peningkatan risiko kemelesetan global.

Dana global membeli bersih AS\$4.4 juta (RM19.61 juta) dalam ekuiti tempatan pada Isnin, menurut data pertukaran manakala hasil bon 10 tahun Malaysia sedikit berubah pada 3.99 peratus.

Harga minyak sawit turut jatuh untuk hari ketiga, kerana pasaran kekal berhati-hati tentang percubaan baharu oleh Indonesia untuk meningkatkan penghantaran ke luar negara.